



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

SIARAN MEDIA

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG JABATAN PERDANA MENTERI

MESYUARAT MENGENAI USAHA-USAHA MEMPERKUKUH MEKANISME PENCEGAHAN BULI DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 2 September 2025 – Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) hari ini telah menganjurkan Mesyuarat Mengenai Usaha-usaha Memperkukuh Mekanisme Pencegahan Buli di Malaysia yang dipengerusikan oleh YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi). Mesyuarat ini telah berlangsung di *Asian International Arbitration Centre (AIAC)*, Kuala Lumpur.

Mesyuarat ini telah menghimpunkan pegawai-pegawai kanan daripada pelbagai kementerian, jabatan dan agensi berkaitan termasuk Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Komunikasi, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan Jabatan Perdana Menteri.

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada **29 Ogos 2025**, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan pendekatan holistik dan bersepadu dalam menangani isu buli dan telah memberi mandat kepada YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) untuk mempengerusikan **Jawatankuasa Khas Menangani Isu Buli**, yang menjadi platform utama bagi menyelaraskan tindakan pelbagai kementerian dan agensi berkaitan.

Mesyuarat pada hari ini telah meneliti beberapa perkara utama, antaranya:

- Memperkukuh kerangka undang-undang sedia ada dengan memasukkan elemen pemulihan dan perlindungan kanak-kanak, bukan hanya berfokus kepada aspek penghukuman.
- Penelitian cadangan penggubalan Rang Undang-Undang Tribunal Anti-Buli sebagai badan separa kehakiman bagi mengendalikan kes buli, khususnya melibatkan pelajar dan kanak-kanak.
- Keutamaan pendekatan pemulihan terhadap pelaku yang masih berstatus kanak-kanak atau remaja, selaras dengan prinsip di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*].
- Pendekatan *whole-of-government* untuk memastikan usaha pencegahan buli dilaksanakan secara menyeluruh di sekolah, institusi pengajian tinggi, tempat kerja, komuniti setempat dan juga di ruang maya.

Isu buli semakin menjadi cabaran nasional yang memberi kesan mendalam kepada mangsa dan masyarakat secara keseluruhan. Sehubungan itu, mesyuarat ini merupakan langkah permulaan yang penting dalam merangka pelan tindakan konkrit dan praktikal bagi

memastikan Malaysia mempunyai mekanisme pencegahan buli yang mantap, adil dan berkesan.

BHEUU, JPM komited untuk memastikan setiap cadangan yang dibangunkan melalui mesyuarat ini dapat diterjemahkan kepada tindakan yang realistik, inklusif dan berpandangan jauh. Dengan kerjasama erat seluruh kementerian, agensi serta pihak berkepentingan, BHEUU yakin persekitaran yang lebih selamat, harmoni dan bebas daripada ancaman buli dapat diwujudkan, sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI.

**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
2 SEPTEMBER 2025**

